



KULIM (MALAYSIA) BERHAD

POLISI BERKAITAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Kulim (Malaysia) Berhad beriltizam, sedaya ianya berpatutan dan praktikal, untuk menyediakan dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat bagi semua; anggota pekerja dan orang lain yang mungkin akan terjejas dengan aktiviti kami. Oleh yang demikian, dasar ini adalah tertakluk bukan sahaja kepada anggota Pekerja Kulim (Malaysia) Berhad, malahan juga meliputi pelawat, klien, pelanggan dan kontraktor yang memasuki kawasan kerja.

Kami akan mengambil langkah – langkah berikut bagi memelihara persekitaran kerja yang selamat dan sihat:

- ❖ Menguatkuasa semua undang – undang, peraturan dan kod amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) atau melampaui mana – mana yang praktikal
- ❖ Melaksanakan semakan dan audit yang kerap terhadap sistem pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) bagi memastikannya relevan dan bersesuaian
- ❖ Mengkomunikasikan dasar ini secara efektif kepada semua anggota pekerja dan pihak lain yang terlibat
- ❖ Melaksanakan program pendidikan, latihan dan kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) secara kerap dan berterusan kepada semua pihak lain yang berkaitan

Memandangkan Kulim (Malaysia) Berhad menerima tanggungjawab utama dalam memastikan implementasi dasar ini, individu berperanan dalam memberikan kerjasama dengan pihak bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Individu diminta untuk mematuhi peraturan dan keperluan yang digariskan oleh pihak berkuasa terhadap polisi ini dan sebarang ketidakpatuhan adalah tertakluk kepada tindakan disiplin; termasuk penamatan perkhidmatan.

Diluluskan Oleh:

ZULKIFLY ZAKARIAH

Pengarah Eksekutif

01 Mei 2018